

12/05/2000

Najib, Mat Taib, Muhyiddin (HL)

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengulangi sejarah 1993 apabila memenangi jawatan Naib Presiden Umno dalam perhimpunan agung parti ke-54, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, mendapat undi terbanyak iaitu 1,289 undi untuk mengekalkan jawatan itu bagi penggal ketiga berturut-turut manakala Muhammad mendapat 853 undi dan Muhyiddin 813 undi.

Muhammad, 55, bekas Menteri Besar Selangor, yang menyandang jawatan Naib Presiden sejak 1993, mengekalkan jawatan itu pada pemilihan 1996. Bagaimanapun, beliau diarah meletakkan jawatan dalam kerajaan dan bercuti daripada tugas Naib Presiden berikutan kes mahkamah yang dihadapinya di Australia, sebelum dibenar menjalankan semula tugas dalam parti pada awal tahun ini.

Muhyiddin, 53, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, memperolehi undi terbanyak pada pemilihan 1993 tetapi gagal mempertahankan jawatan itu pada 1996.

Enam calon yang tewas dalam perebutan itu termasuk empat tokoh yang bertanding buat kali pertama, iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam, mendapat 629 undi; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (616 undi); Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (429 undi) dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (421 undi).

Dua lagi calon ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (524 undi) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (371 undi).

Keputusan rasmi yang disiarkan secara langsung melalui televisyen dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), diumumkan oleh Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah pada jam 9.15 malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden tanpa bertanding.

Ketika keputusan diumumkan, tiada seorang pun calon Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi (MT) berada di dewan kerana menghadiri Jamuan Presiden.

Kecuali Najib, keputusan malam ini langsung tidak mencerminkan jumlah pencalonan yang diperolehi calon bagi kerusi Naib Presiden.

Pemilihan kali ini juga menyaksikan semua calon Menteri Besar dan Ketua Menteri kecundang walaupun mendapat jumlah pencalonan yang memberangsangkan.

Najib, yang pertama tiba di dewan perhimpunan selepas keputusan diumumkan, menyifatkan kemenangannya sebagai hasrat perwakilan untuk menentukan Umno dapat mewakili semua golongan.

"Mesej yang nyata ialah perwakilan mahukan calon yang mempunyai masa untuk berkhidmat, bukan atas sebab tertentu.

"Tan Sri Muhammad dan Tan Sri Muhyiddin adalah ahli politik berpengalaman serta sudah menempuh ujian. Ia bukan soal siapa tetapi apa dan bagaimana seseorang itu dapat menyumbang kepada parti," katanya.

Muhammad pula berjanji terus bekerja untuk memperkukuhkan parti.

"Saya berterima kasih kepada perwakilan kerana memilih saya. Ini adalah tanggungjawab berat iaitu membantu parti, Presiden dan Majlis Tertinggi bagi meneruskan cita-cita parti," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin menganggap kemenangannya itu bukan hanya keputusan orang Johor tetapi keputusan bersama iaitu Umno secara

keseluruhan.

"Undi dari Johor seperti juga dari negeri-negeri lain, dianggap penting. Saya berterima kasih kepada rakan-rakan dari tempat saya, dan juga merakamkan penghargaan kepada perwakilan dari negeri lain.

"Yang penting kita nanti bekerja atas nasihat Presiden dan Majlis Tertinggi. Jangan bertindak sendirian. Ini adalah tanggungjawab bersama. Saya fikir kita akan dapat nasihat dan bimbingan Perdana Menteri," katanya.